



## UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

### PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER I SESI 2012/2013

NAMA KURSUS	:	PENGAJIAN MORAL
KOD KURSUS	:	UWA10202
PROGRAM	:	1 BDC/BDD/BDM/BED/BIW/BND/ BNH/BPA/BPB/BPB/BPC/BWQ
TARIKH PEPERIKSAAN	:	DISEMBER 2012 / JANUARI 2013
JANGKA MASA	:	2 JAM
ARAHAN	:	A) JAWAB <b>SEMUA</b> SOALAN DALAM BORANG OMR YANG DISEDIAKAN  B) DILARANG MEMBAWA KERTAS SOALAN INI KELUAR DARI DEWAN PEPERIKSAAN

**S1** Dari manakah asal perkataan akhlak?

- A Bahasa Parsi
- B Bahasa Arab
- C Bahasa Latin
- D Bahasa Melayu

**S2** Apakah rujukan utama perkataan moral?

- I Amalan
  - II Perbuatan
  - III Tingkah laku
  - IV Pengalaman yang buruk dalam masyarakat
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C I, III dan IV
  - D Semua di atas

**S3** Apakah yang dimaksudkan dengan etika deskriptif?

- A Satu peraturan yang menilai dan mengkritik terhadap sesuatu perbuatan itu baik atau buruk
- B Satu disiplin atau peraturan yang menentukan sama ada sesuatu perbuatan itu baik atau buruk
- C Satu disiplin yang memberi maklumat kepada kita apakah sistem moral yang diamalkan oleh kelompok tertentu
- D Satu nilai yang diwujudkan sebagai panduan kepada manusia untuk menjamin kehidupan yang aman dan harmoni

**S4** Akhlak yang baik dan buruk dalam Islam dikaitkan dengan istilah berikut:

- A Akhlak ma`jurah dan mahmudah
- B Akhlak majruhan dan mazmumah
- C Akhlak mazmumah dan majnunah
- D Akhlak mahmudah dan mazmumah

**S5** Antara berikut manakah faktor dalaman yang mempengaruhi pembentukan moral?

- I Faktor naluri
- II Faktor adat resam
- III Faktor rakan sebaya
- IV Faktor agama dan keturunan

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D Semua di atas

**S6** Perkataan moral berasal dari bahasa Latin iaitu

- A *mores*
- B *morale*
- C *moralis*
- D *moraless*

**S7** Apakah maksud perkataan akhlak dalam Islam?

- I Sifat yang menyarankan kepentingan diri sahaja
- II Ilmu yang menyarankan cara-cara untuk membersihkan hati seseorang
- III Ilmu yang menyarankan cara-cara untuk menghiasi hati dengan sifat-sifat baik dan membersihkannya dari sifat-sifat yang keji
- IV Keadaan kejiwaan (hati) yang akan membentuk tingkah laku seseorang manusia

- A I, II dan III
- B I, III dan IV
- C II, III dan IV
- D Semua di atas

**S8** Apakah yang menjadi asas kepada etika Islam (Akhlak)?

- I Ajaran al-Qur`an
- II Hadis Rasulullah saw
- III Kesepakatan para ulama (Ijmak)
- IV Etika yang didasarkan kepada Qiyas

- A I, II dan III
- B I, III dan IV
- C II, III dan IV
- D Semua di atas

- S9** Antara contoh akhlak mazmumah dalam Islam
- A riba, judi minum arak dan zina
  - B jujur, minum arak, amanah dan berjudi
  - C rasuah, marah, taat dan patuh kepada Allah
  - D jujur, amanah, taat dan hormat menghormati
- S10** Antara contoh kod moral adalah
- I Golden Rule
  - II Kod Mesir kuno *Ma'at*
  - III Jalan Lapan Lapis Mulia agama Buddha
  - IV Sepuluh Perintah (*Ten Commandments*) agama Kristian
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C I, III dan IV
  - D Semua di atas
- S11** Apakah perbezaan antara moral, akhlak dan etika?
- I Akhlak, moral dan etika adalah sama
  - II Moral adalah daripada perspektif Barat
  - III Akhlak adalah daripada perspektif Islam
  - IV Etika adalah set peraturan dalam sesuatu masyarakat
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C II, III dan IV
  - D Semua di atas
- S12** Etika terbahagi kepada dua bahagian
- A etika aktif dan pasif
  - B etika pasif dan normatif
  - C etika normatif dan tentatif
  - D etika deskriptif dan normatif

- S13** Manakah keterangan berikut yang menunjukkan sikap bermoral dalam agama?
- I Perbuatan yang menjamin manusia untuk terus hidup aman damai
  - II Perbuatan yang merujuk kepada hubungan manusia dengan Tuhan
  - III Perbuatan yang menjadikan kepercayaan kepada Tuhan sebagai asas kehidupan
  - IV perbuatan yang melahirkan rasa tunduk dan patuh secara terpaksa antara sesama manusia
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C I, III dan IV
  - D Semua di atas
- S14** Apakah maksud teori Utilitarianisme?
- A Tindakan sesuatu dianggap bermoral di tempat tertentu sahaja
  - B Semua tindakan dilakukan adalah untuk kebaikan diri sendiri sahaja
  - C Semua perbuatan dilakukan hanya baik jika mempunyai hati yang baik
  - D Tindakan yang akan memberi kebaikan maksimum kepada semua orang
- S15** Siapakah dua ahli falsafah yang berkait rapat dengan teori Utilitarianisme ?
- A Jeremy Bentham dan John Stuart Mill
  - B John Stuart Mill dan George Hamilton
  - C Jeremy Bentham dan George J. Holyoake
  - D John Stuart Mill dan George Bernard Shaw
- S16** Dasar teori Utilitarianisme ialah kemampuan untuk
- A meramalkan tindakan selanjutnya
  - B mengenalpasti moral pada individu
  - C meramalkan akibat dari suatu tindakan
  - D mengenalpasti tahap keuntungan dari suatu tindakan
- S17** Apakah yang dimaksudkan dengan teori Deontologi?
- A Teori yang menitikberatkan kepada kepentingan diri sendiri
  - B Teori yang mementingkan hasil dan manfaat sesuatu perbuatan
  - C Teori yang mewajibkan perlaksanaan tugas dan tanggungjawab
  - D Teori yang tidak mewajibkan perlaksanaan tugas dan tanggungjawab

- S18** Manakah situasi berikut termasuk dalam teori Deontologi?
- I Doktor David berusaha sedaya upaya untuk menyelamatkan seorang pesakit yang mengalami kemalangan dan jika gagal maka akan menjejaskan reputasinya
  - II Pn. Fatimah memecahkan cermin kereta untuk menyelamatkan seorang bayi yang terkurung di dalamnya, akibatnya didakwa oleh pemilikan kereta tersebut
  - III Encik Arif seorang anggota polis bertanggungjawab menyelamatkan orang awam ketika berhadapan dengan penjenayah
  - IV Encik Lee tidak dapat menghadiri kelas tarian kerana ingin menyelesaikan urusan pribadinya
- A I, II dan III
  - B I, III dan IV
  - C II III dan IV
  - D Semua di atas
- S19** Prinsip teori Deontologi adalah
- A mematuhi suara dalaman ketika menganalisa dilema etika
  - B mematuhi kewajipan dan tugas ketika menganalisa dilema etika
  - C mematuhi keperluan masyarakat mereka ketika menganalisa dilema etika
  - D mengikuti agama dan tugas-tugas agama ketika menganalisa dilema etika
- S20** Apakah faktor-faktor luaran yang mempengaruhi pembentukan moral?
- I Naluri
  - II Facebook
  - III Laman sosial
  - IV Rakan sebaya
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C II, III dan IV
  - D Semua di atas
- S21** Berikut adalah kebaikan mengamalkan nilai-nilai moral **kecuali**
- A disukai oleh orang ramai
  - B dihormati oleh orang lain
  - C dipercayai oleh masyarakat
  - D dipengaruhi oleh orang lain

- S22** Apakah ciri utama bermoral terhadap alam sekitar?
- I Membiarkan manusia untuk tidak berhubungan dengan alam sekeliling
  - II Bertanggungjawab mengurus alam dengan sebaik-baiknya
  - III Menjamin kesejahteraan hidup manusia kerana setiap benda di alam ini mempunyai hak untuk dilestarikan
  - IV Menghindari penebangan hutan kerana dapat menyebabkan hakisan tanah dan banjir
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C II, III dan IV
  - D Semua di atas
- S23** Mengapakah setiap individu perlu mengamalkan nilai-nilai moral?
- A Menerima ganjaran daripada majikan
  - B Memupuk sikap amanah dalam tugas
  - C Memperoleh pujian dari orang yang dibenci
  - D Mendapatkan kasih sayang dari orang yang dicintai
- S24** Manakah antara berikut merupakan maksud bermoral terhadap diri sendiri?
- I Mempunyai kawalan dari persekitaran
  - II Mempunyai kawalan dari dalam diri seseorang
  - III Mempunyai kesedaran untuk memperbaiki diri
  - IV Merujuk kepada hubungan manusia dengan dirinya
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C II, III dan IV
  - D Semua di atas
- S25** Manakah pernyataan berikut yang dianggap bermoral terhadap masyarakat?
- A Ajaran agama menekankan kewajipan berkelakuan baik kepada orang lain
  - B Ajaran agama menekankan tidak perlunya mengamalkan sikap toleransi dengan orang lain
  - C Ajaran agama menekankan kewajipan menampakkan kelakuan baik kepada orang lain
  - D Ajaran agama menekankan kewajipan menyembunyikan kelakuan baik kepada orang lain

**S26** Apakah kepentingan moral dalam kehidupan?

- I Keamanan sejagat
- II Kesempurnaan peribadi
- III Kelangsungan tamadun dunia
- IV Keharmonian nilai-nilai kebaikan

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C II, III dan IV
- D Semua di atas

**S27** Apakah langkah-langkah yang berkesan mengatasi masalah rasuah?

- I Pelancaran kempen rasuah
- II Penguatkuasaan undang-undang
- III Pendedahan bahaya rasuah di peringkat persekolahan
- IV Pemantauan oleh pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C II, III dan IV
- D Semua di atas

**S28** Apakah yang dimaksudkan dengan moral sejagat?

- A Nilai-nilai moral yang mewajibkan sikap toleransi
- B Nilai-nilai moral yang mengarahkan kepada kebaikan sementara
- C Nilai-nilai moral yang seharusnya diamalkan oleh individu tertentu
- D Nilai-nilai moral yang dapat diterima oleh semua lapisan masyarakat

**S29** Apakah contoh sikap yang mungkin ada pada individu yang kurang bermoral?

- A Sikap hormat dan taat kepada anggota keluarga
- B Sikap tidak mementingkan diri dalam mengambil keputusan
- C Sikap tidak berlebihan dalam membuat pertimbangan dan tindakan
- D Sikap tidak bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas dan kewajipan



- S30** Pilih pernyataan yang **tidak benar** mengenai ajaran Hindu.
- A Penganut Hindu tidak akan makan daging lembu
  - B Sebahagian besar penganut Hindu adalah vegetarian
  - C Beberapa candi agama Hindu memelihara binatang suci
  - D Perkahwinan hanya dibenarkan kepada kasta yang lebih tinggi
- S31** Berikut adalah asas etika Buddha **kecuali**
- A mengelakkan rasa bersalah
  - B mengelakkan pembunuhan makhluk hidup
  - C mengelakkan niat buruk kepada makhluk lain
  - D mengelakkan mengambil barang yang tidak diberi
- S32** Apakah empat (4) objektif mulia dalam membentuk jati diri masyarakat India?
- A Porullartha, Inbamlka, Vidhva, Datta
  - B Datta, Inbamlka, Damnyata, Aramldharma
  - C Aramldharma, Porullartha, Inbamlkama, Kahama
  - D Aramldharma, Porullartha, Inbamlkama, Vidulmaksha
- S33** Apakah yang dimaksudkan dengan *karma* dalam kepercayaan Buddha?
- A Setiap tindakan ada balasannya
  - B Kehidupan selepas mati dan sebelum lahir
  - C Hukum-hukum Buddha bagi setiap kesalahan
  - D Lima larangan yang ditetapkan kepada penganut Buddha
- S34** Apakah nilai-nilai murni yang disarankan oleh ajaran Hindu?
- A Shudra dan Vaishya
  - B Dharma dan Ahimsa
  - C Ksatriya dan Brahmin
  - D Datta dan Dayadhyam

- S35** Pilih pernyataan yang berkaitan dengan *Panca Sila* bagi ajaran Buddha.
- I Tidak mencuri
  - II Perasaan malu melakukan perbuatan jahat
  - III Menghindari tindakan yang tidak bertatasusila
  - IV Menghindari penggunaan bahan-bahan yang boleh melemahkan kesedaran dan mengurangkan ketagihan
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C I, III dan IV
  - D Semua di atas
- S36** Apakah yang dimaksudkan dengan etika Kristian?
- A Etika Nabi Musa
  - B Etika Alkitab dan Taurat
  - C Etika Perjanjian Baru (*New Testament*)
  - D Etika Perjanjian Lama (*Old Testament*)
- S37** Bagaimanakah proses pengulangan kehidupan dalam kepercayaan Hindu?
- A Kehidupan seterusnya di dunia lain
  - B Kelahiran, kematian dan lahir semula
  - C Kehidupan setelah kematian di alam kubur
  - D Kehidupan manusia di akhirat sebagai balasan perbuatannya
- S38** Pilih keterangan yang **benar** mengenai etika dalam Islam.
- I Tidak membenarkan bunuh diri
  - II Segala amalan di dunia disediakan balasan di akhirat kelak
  - III Membenarkan pengguguran bayi bagi mengurangkan jumlah penduduk
  - IV Mengajar penganutnya bahawa segala amalan hamba sentiasa dikawal oleh Allah
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C II, III dan IV
  - D Semua di atas

- S39** Apakah pandangan Islam terhadap kedudukan haiwan dan tumbuh-tumbuhan?
- A Makhhluk yang lebih mulia dari manusia yang perlu dipuja
  - B Makhhluk yang seumpama dengan manusia yang perlu dihargai
  - C Makhhluk yang tidak sama dengan manusia yang tidak perlu dihargai
  - D Makhhluk yang lebih rendah dari manusia yang tidak perlu dilindungi
- S40** Apakah yang dimaksudkan dengan cinta taat (*obedient love*) dalam falsafah agama Kristian?
- A Percaya kepada Jesus adalah sumber utama cinta yang ada di dunia ini
  - B Percaya kepada tuhan sebagai tujuan utama dan cinta kepada Jesus sebagai tujuan kedua
  - C Percaya kepada tuhan sebagai asas utama, dan seseorang tidak perlu menjaga cintanya kepada orang lain selagi tuhan masih mencintainya
  - D Percaya kepada tuhan sebagai tumpuan seseorang dan apa yang dilakukan adalah lambang cinta kepadaNya dan cinta kepada orang lain sepertimana cinta kepada diri sendiri
- S41** Apakah yang dimaksudkan dengan konsep *Yin Yang* dalam kepercayaan Taoisme?
- A Taraf lelaki lebih tinggi berbanding perempuan dalam sosial
  - B Perbezaan taraf antara lelaki dan perempuan dalam pekerjaan
  - C Kesamaan taraf antara lelaki dan perempuan dalam kehidupan
  - D Taraf perempuan lebih tinggi berbanding lelaki dalam rumah tangga
- S42** Ajaran Konfusianisme menekankan prinsip etika Konfusianisme iaitu
- A Ren, Li, Yi, Zhi, Xhin, Zhong dan Xia
  - B Ren, Li, Yi, Zhi, Xhin, Zhong dan Xiao
  - C Ren, Li, Yi, Zhi, Xhin, Xhong dan Xiao
  - D Ren, Lee, Yi, Zhi, Xhin, Zhong dan Xiao
- S43** Apakah faktor dalaman paling utama yang menentukan pembentukan moral dalam Islam?
- A Hati dan keimanan
  - B Akal dan pendirian
  - C Selera dan keinginan
  - D Naluri dan kehendak

- S44** Dalam ajaran Konfuses terdapat istilah *Wu lun* yang membawa maksud 5 hubungan iaitu
- A Abang-adik, pekerja-majikan, bapa-anak, suami-isteri, kawan-kawan
  - B Abang-adik, pekerja-majikan, bapa-anak, suami- isteri, kekasih-kawan
  - C Abang-adik, pemerintah-rakyat, bapa-anak, suami- isteri, kawan-lawan
  - D Abang-adik, pemerintah-rakyat, bapa-anak, suami- isteri, kawan-kawan
- S45** Di antara berikut manakah merupakan konsep dan prinsip yang telah dijelaskan oleh Immanuel Kant (1724–1804) dalam menggambarkan prinsip kewajipan dalam teori moral Deontologi?
- I Tekad Individu Rasional
  - II Konsep Tekad Baik (*Goodwill*)
  - III Prinsip Bermatlamatkan Kemanusiaan
  - IV Teori Perintah Mutlak (*Categorical Imperative Theories*)
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C I, III dan IV
  - D Semua di atas
- S46** Immanuel Kant telah mengemukakan satu perinsip moral iaitu perinsip moral kewajipan ataupun tugas dalam bukunya yang bertajuk
- A *Being and Nothingness*
  - B *Groundwork of the Metaphysic of Morals*
  - C *On the Genealogy of Morals and Edde Homo*
  - D *On the Genealogy of the Metaphysic of Morals*
- S47** Berikut adalah sumber etika agama Kristian yang termasuk dalam *ten commandments*
- I Jangan sembah tuhan yang lain selain Aku
  - II Jangan mempersekutukan aku dengan Maria
  - III Jangan guna nama Tuhanmu dengan tujuan kejahilan
  - IV Ingat dan perhatikan kedudukan hari sabtu (Sabbath) dan pastikan ia mulia
- A I, II dan III
  - B I, III dan IV
  - C II, III dan IV
  - D Semua di atas

- S48** Etika agama Hindu berasaskan kepada perinsip Brahma yang bermaksud
- A kesetaraan antara semua pemeluk agama
  - B keadilan, kebaikan, kesucian, benar, sederhana dan suci
  - C ketaatan, ketuhanan yang esa serta kesaksamaan dalam kehidupan
  - D larangan melanggar aturan yang ditetapkan oleh nilai-nilai moral dan agama
- S49** Apakah kepentingan etika dalam perniagaan?
- A Panduan kepada peniaga supaya dapat menaikkan harga barangan
  - B Panduan peniaga untuk memiliki nilai dan etika yang baik dalam perniagaan
  - C Panduan kepada peniaga untuk mengaut keuntungan yang besar dalam perniagaan
  - D Panduan kepada pelanggan supaya boleh membeli barang dengan harga yang murah
- S50** Apakah yang dimaksudkan dengan konflik moral?
- A Persefahaman nilai antara dua pihak
  - B Persefahaman antara dua pihak tentang nilai moral
  - C Pertembungan masalah yang tidak dapat diselesaikan
  - D Pertembungan antara dua nilai yang bertentangan dalam satu keadaan
- S51** Apakah strategi yang boleh dilakukan untuk menangani konflik moral?
- I Pemikiran yang terbuka
  - II Membuat keputusan sendiri tanpa ada perundingan
  - III Mengambil kira segala kepentingan sebelum membuat keputusan
  - IV Pemikiran yang mendalam dan terperinci dalam usaha menyelesaikan konflik
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C I, III dan IV
  - D Semua di atas

- S52** Apakah punca-punca yang menyebabkan isu moral berlaku?
- I Pengaruh media massa
  - II Pengaruh rakan sebaya
  - III Pengaruh didikan agama
  - IV Pengaruh ingin tahu dan mencuba
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C II, III dan IV
  - D Semua di atas
- S53** Empat Kebenaran Mulia adalah asas kepada etika agama
- A Sikh
  - B Islam
  - C Hindu
  - D Buddha
- S54** Apakah cara-cara menangani masalah moral yang berlaku di Malaysia?
- I Melibatkan peranan ibu bapa
  - II Mengabaikan pendidikan agama
  - III Mengadakan kempen memerangi gejala moral
  - IV Melibatkan kerajaan dalam menangani konflik moral
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C I, III dan IV
  - D Semua di atas
- S55** Susun tahap-tahap perkembangan berlakunya konflik mengikut urutan yang betul.
- I Akibat konflik
  - II Konflik dikesan
  - III Konflik disedari
  - IV Konflik terpendam
- A I, II, III dan IV
  - B II, III, IV dan I
  - C III, I, IV dan II
  - D VI, II, III dan I

**S56** Antara prinsip yang menjadi asas kepada etika agama Buddha adalah

- A Jalan Lapan Lapis Mulia
- B Jalan Utama Lapis Mulia
- C Jalan Lapan Lapis Utama
- D Jalan Dharma Lapis Utama

**S57** Berikut adalah bentuk pengaruh genetik dalam pembentukan moral **kecuali**

- A Adanya kecenderungan mewarisi sebahagian besar sifat orang tuanya
- B Sifat-sifat asasi anak merupakan pantulan sifat-sifat asasi orang tuanya
- C Moral seorang bapa dipengaruhi oleh sifat semula jadi anak keturunannya
- D Berpindahnya sifat-sifat tertentu dari orang tua kepada anak keturunannya

Soalan 58 berdasarkan kepada pernyataan I

Ia menggambarkan kemoralan sosial iaitu berasaskan tradisi etika agama Nasrani dan Yahudi sebagai ciptaan hamba abdi ( <i>slave morality</i> )
--

Pernyataan I

**S58** Pernyataan I merujuk kepada pendapat

- A Richard Hare
- B Immanuel Kant
- C John Stuart Mill
- D Friedrich Wilhelm Nietzsche

**S59** Manakah teori moral Barat yang menegaskan bahawa seseorang itu sepatutnya melakukan sesuatu tindakan yang akan menghasilkan kebaikan yang banyak kepada setiap orang atau kepada orang ramai?

- A Teori Egoisme
- B Teori Utilitarianisme
- C Teori Deontologi-Tindakan
- D Teori Deontologi-Peraturan

**S60** Pilih pernyataan yang **benar** berkenaan dengan teori moral Barat Teleologis.

- I Berasal daripada perkataan Yunani "telos"
  - II Menegaskan bahawa kriteria dan piawaian asas tentang sesuatu yang betul, salah, baik, buruk, jahat dan sebagainya adalah hati nurani.
  - III Sesuatu tindakan atau peraturan dianggap bermoral jika jumlah kebaikan yang dihasilkan melebihi kejahatan
  - IV Akibat sesuatu perbuatan yang baik juga boleh ditafsirkan sebagai perkara yang boleh menguntungkan diri sendiri dan membuatkan orang lain bahagia
- A I, II dan III
  - B I, III dan IV
  - C II, III dan IV
  - D Semua di atas

**S61** Pilih pernyataan yang **benar** tentang prinsip etika Sekularisme.

- I Memperbaiki kehidupan dengan cara kebendaan
  - II Apa sahaja yang dianggap baik dan rasional maka ia adalah baik untuk dilakukan
  - III Sumber kekayaan negara dinikmati bersama oleh seluruh rakyat secara sama rata
  - IV Agama dan kepercayaan tidak dianggap sebagai sumber rujukan dalam memahami segala hal ehwal keduniaan
- A I, II dan III
  - B I, III dan IV
  - C II, III dan IV
  - D Semua di atas

**S62** Apakah yang dimaksudkan dengan etika Egoisme Universal?

- A Semua orang mengejar kepentingan orang lain secara eksklusif
- B Semua orang memberi bantuan kepada orang lain selagi diperlukan
- C Semua orang mengejar kepentingan mereka sendiri secara eksklusif
- D Semua orang memberi bantuan kepada orang lain sekalipun diri sendiri memerlukannya



- S63** Apakah yang dimaksudkan dengan aliran Egoisme?
- A Sebarang perbuatan yang dilakukan oleh seseorang itu untuk dikongsi oleh orang lain
  - B Sebarang perbuatan yang dilakukan oleh seseorang itu semata-mata untuk manfaat orang lain
  - C Sebarang perbuatan yang dilakukan oleh seseorang itu semata-mata untuk manfaat diri sendiri
  - D Sebarang perbuatan yang dilakukan oleh seseorang itu bukan semata-mata untuk manfaat diri sendiri
- S64** Siapakah yang memperkenalkan teori Utilitarianisme sebagai prinsip moral tertinggi yang disebut sebagai 'asas kegunaan atau manfaat' (*the principle of utility*)?
- A James Mill
  - B David Hume
  - C John Stuart Mill
  - D Jeremy Bentham
- S65** Siapakah yang memperkenalkan penggunaan istilah sekularisme?
- A George Hamilton
  - B George Holyoake
  - C George Washington
  - D George Bernard Shaw
- S66** Istilah sekularisme sering dikaitkan dengan
- A gerakan untuk memperjuangkan kesetaraan manusia
  - B ideologi politik yang dipegang oleh bukan agamawan
  - C pahaman yang memisahkan antara agama dan kerajaan
  - D parti politik yang memperjuangkan pembangunan negara

**S67** Pilih pernyataan yang **benar** tentang Sekularisme?

- I Bermaksud keduniaan, tiada agama dan zuhud
- II Ideologi yang memisahkan urusan keduniaan dari urusan keagamaan
- III Merupakan satu aliran falsafah yang tidak memiliki kebenaran atau panduan
- IV Tidak bercanggah dengan agama Kristian tetapi tidak bergantung kepadanya

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D Semua di atas

**S68** Apakah faktor-faktor yang membawa kepada kemunculan fahaman sekularisme?

- I Terciptanya teori-teori palsu mengenai sains dalam bidang astronomi
- II Agama mula diterima oleh masyarakat pada zaman abad pertengahan
- III Pihak gereja menyalahgunakan kuasa dan bertindak zalim terhadap rakyat
- IV Tindakan kaum Yahudi yang cuba melakukan pemberontakan bagi meruntuhkan kepercayaan masyarakat terhadap agama Kristian

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D Semua di atas

**S69** Apakah nilai-nilai positif yang ada pada masyarakat sekular?

- I Kesetaraan semua orang
- II Menggalakkan kebebasan berfikir
- III Menghapus perbezaan kelas dan kasta
- IV Memartabatkan institusi keagamaan di seluruh dunia

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C II, III dan IV
- D Semua di atas

**S70** Siapakah yang memperkenalkan teori Psikoanalisis?

- A Simon Freed
- B Sigmund Fuad
- C Sigmund Freud
- D Sigmand Proud

**S71** Siapakah pengasas Darwinisme?

- A George John Darwin
- B Charles Cyell Darwin
- C George Royal Darwin
- D Charles Robert Darwin

**S72** Apakah teori yang dikemukakan oleh Darwin?

- A Teori evolusi hidupan
- B Teori psikologi manusia
- C Teori perkembangan moral
- D Teori perkembangan moral Barat

**S73** Antara jenis-jenis konflik moral adalah

- I konflik intra-personal
- II konflik inter-personal
- III konflik inter-organisasi
- IV konflik kelompok dengan kelompok

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C II, III dan IV
- D Semua di atas

**S74** Apakah ciri utama teori moral Teleologis?

- A Ajaran moral dalam agama
- B Tujuan sosial dari suatu perbuatan
- C Niat seseorang pada suatu perbuatan
- D Tujuan akhir setiap tindakan yang diambil

- S75** Apakah kepentingan nilai integriti dalam organisasi?
- A Individu dapat berintegrasi antara satu sama lain
  - B Meningkatkan produktiviti dan pengeluaran dalam organisasi
  - C Sikap kasih sayang dan memahami antara satu sama lain dapat disemai
  - D Mengelakkan berlakunya penyalahgunaan kuasa dan sikap pentingkan diri

- S76** Berikut adalah kesan daripada semangat perkauman yang melampau **kecuali**
- A perpaduan mudah diwujudkan
  - B peperangan berlaku di mana sahaja
  - C individu akan menjadi terlalu mementingkan diri
  - D kurangnya integrasi dan asimilasi antara budaya

Soalan 77 berdasarkan kepada pernyataan 2

Seorang wanita melihat suatu kemalangan jalan raya tanpa memberi sebarang bantuan
---

Pernyataan 2

- S77** Apakah teori yang boleh dikaitkan dengan tindakan wanita tersebut?
- A Egoisme
  - B Teleologis
  - C Deontologi
  - D Utilitarianisme
- S78** Apakah teori yang menganggap hubungan sejenis dianggap sah dan tidak salah untuk dilakukan?
- A Psicotisme
  - B Naturalisme
  - C Darwinisme
  - D Eksistensialisme

Soalan 79 berdasarkan kepada pernyataan 3

Pengguguran janin sering berlaku dalam kalangan masyarakat yang tidak bertanggungjawab kerana untuk menyelamatkan diri dari imej yang buruk

Pernyataan 3

**S79** Sikap di atas boleh dikaitkan dengan teori

- A Psikologi
- B Teleologi
- C Deontologi
- D Utilitarianisme

Soalan 80 berdasarkan kepada pernyataan 4

Tindakan polis memerangi aktiviti pemerdagangan manusia merupakan tindakan yang baik kerana dapat memberi keharmonian sejagat

Pernyataan 4

**S80** Apakah teori yang sesuai dengan tindakan polis di atas?

- A Psikologi
- B Teleologi
- C Meteorologi
- D Utilitarianisme

- SOALAN TAMAT -